

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG GANGGUAN SEKSUAL DI MALAYSIA

Kanun Kesiksaan (Akta 574)

Akta Kerja 1955 (Akta 256)

Pekeliling Perkhidmatan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

BAGAIMANA AKTA TERSEBUT DAPAT MELINDUNGI ANDA?

1. **Kenal pasti** peruntukan perundangan yang boleh melindungi anda daripada jenayah gangguan seksual;
2. **Ambil tindakan** bersesuaian dengan keadaan/ situasi anda. Contoh;
 - (i) Sekiranya anda penjawat awam & gangguan berlaku di tempat kerja:
- Rujuk Peleliling JPA
 - (ii) Sekiranya anda pekerja swasta dan gangguan berlaku di tempat kerja anda;
- Rujuk Akta (Akta 256)
 - (iii) Sekiranya anda orang awam dan gangguan berlaku di tempat awam atau mana-mana kawasan selain tempat kerja;
- Rujuk Kanun Kesiksaan (Akta 574)
3. Catat, kumpul dan simpan bukti-bukti yang berkaitan sekiranya gangguan berlaku ke atas anda untuk menyokong serta mengambil tindakan berdasarkan peruntukan undang-undang tersebut.
4. Dapatkan bantuan pihak ketiga yang anda percaya sama ada **Unit Integriti, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Unit Psikologi & Kaunseling, Balai Polis (Laporan)** atau mana-mana individu yang dapat membantu anda.

JENIS GANGGUAN



SECARA FIZIKAL

- Mendekati/ jarak yang terlalu rapat menyebabkan seseorang tidak selesa.
- Memegang, memeluk, menepuk, menggosok, mencubit, mencium, meraba atau perbuatan seumpamanya hingga menyebabkan seseorang tersinggung, terhina dan terugut.

SECARA ISYARAT (BUKAN LISAN)



- Sikap atau perbuatan yang memberikan gambaran dan maksud berunsur seksual seperti menjeling, merenung, menggosok, mengintai, menjilat bibir/ makanan atau menggunakan isyarat yang lain.



SECARA LISAN

- Memberikan kata-kata, komen, gurauan, usikan bunyi, nanyian dengan perkataan luhah dan soalan-soalan yang berbentuk ancaman atau cadangan seksual.

SECARA VISUAL



- Perbuatan/ perlakuan menghantar nota, surat, mel elektronik, gambar atau mana-mana aplikasi yang membolehkan bahan-bahan dipindahkan kepada paparan umum.



SECARA PSIKOLOGI

- Mendorong, mendesak, mengugut atau memujuk rayu bagi memenuhi keinginan seksual sama ada melalui surat, telefon, emel dan sebarang bentuk komunikasi.
- Mengulangi jemputan sosial yang tidak diterima oleh mangsa, memujuk rayu secara berterusan untuk keluar bersama (dalam apa jua cara).



Jabatan Pembangunan Wanita
Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat

GANGGUAN SEKSUAL

APA YANG BERLAKU?

APA YANG PERLU SAYA TAHU?

APA TINDAKAN YANG BOLEH SAYA AMBIL?



APAKAH TINDAKAN YANG PERLU SAYA AMBIL SEKIRANYA GANGGUAN SEKSUAL TERJADI KE ATAS DIRI SENDIRI ATAU ORANG DI SEKELILING SAYA?

MENJADI SAKSI YANG AKTIF



Saksi yang **AKTIF** adalah seseorang yang berani menyuarakan dan mengambil tindakan apabila berhadapan dengan situasi yang tidak diinginkan ataupun ketika berhadapan dengan situasi yang membahayakan seseorang/ sekumpulan.

MELALUI TINDAKAN BERIKUT:

MENGENALPASTI SITUASI BILA KEADAAN YANG MEMBOLEHKAN ANDA BERTINDAK DAN MEMBANTU

- (i) Melibatkan situasi dimana keganasan/ gangguan seksual dihalalkan dalam perbualan harian melalui jenaka atau komen-komen;
- (ii) Apabila melibatkan seseorang menerima gangguan melalui sorakan (panggilan/ ajakan bermaksud seksual), ejekan ataupun intipan, penyebaran bahan visual melibatkan mangsa untuk tujuan mengaibkan secara seksual;
- (iii) Apabila anda mempunyai hak (kuasa ketua/ majikan) untuk menghentikan perlakuan yang berunsurkan keganasan/ gangguan seksual di agensi.

MENENTUKAN SAMADA SESUATU SITUASI MEMERLUKAN CAMPUR TANGAN TERUS ATAU CUKUP SEKADAR DENGAN MENGALIHKAN PERHATIAN

- (i) Sekiranya anda mengesan/ mengetahui seseorang menerima gangguan dan menjadi mangsa, **BANTU & BERTINDAK** dengan menegur perbuatan pelaku ke atas mangsa adalah merupakan satu kesalahan.

MENENTUKAN KESELESAAN DAN TAHAP KESELAMATAN ANDA SEBELUM MEMBANTU.

- (i) Adakah situasi tersebut selamat untuk anda campur tangan dan membantu mangsa? Dapatkan bantuan pihak ketiga atau saksi lain sama ada rakan atau pihak berkuasa sekiranya situasi menimbulkan ancaman dan ugutan fizikal yang mengancam keselamatan.

Hello, saya adalah mangsa kepada perlakuan/ gangguan seksual, apa yang perlu saya lakukan?



1

Beritahu pelaku bahawa **ANDA TIDAK SUKA/ TIDAK SELESA** dengan perlakuan & perbuatan beliau tersebut.

CATAT identiti pelaku, masa, tarikh, tempat dan bagaimana perbuatan tersebut berlaku. Dapatkan bukti bergambar/ saksi hidup (sekiranya boleh).

2

3

Dapatkan **SOKONGAN** daripada orang yang anda percaya seperti kawan atau keluarga.

Membuat **LAPORAN POLIS** secara rasmi sebagai bukti anda telah bertindak.

4

5

Hubungi pihak **BANTUAN SECARA PROFESIONAL** untuk membantu seperti JPW, JKM atau NGO yang berkaitan.

HENTIKAN! PERLAKUAN JENAYAH GANGGUAN SEKSUAL



BERANI BERTINDAK!

anda mampu mengubah stigma!



HUBUNGI TALIAN BANTUAN:

**TALIAN *Kasih*
15999** 

**Aplikasi Whatsapp
019 26 15999** 